



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
www.islam.gov.my

قند يدق

PENDIDIK

Bil 2/2022

Membina Generasi Berhemah Tinggi



- APA ITU KEJAYAAN?
- APAKAH ITU IMAN?
- APAKAH ITU ISLAM?
- JOM BERAKHLAK MULIA
- KENALI PERMAINAN TRADISIONAL
- JOM BELAJAR BAHASA

Sidang Redaksi



PENAUNG:
Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff
(Ketua Pengarah JAKIM)



PENASIHAT:
Tuan Haji Ruslan Bin Said
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))



KETUA PENGARANG:
Azman Bin Mat Hassan
(Pengaruh Bahagian Penerbitan, JAKIM)



PENGARANG:
Mohd Meeftah Bin Anuar
(Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Penerbitan JAKIM)



PENOLONG PENGARANG:
Nur Madihah Binti Rakes Junaidi



PENYUNTING:
Mohamad Zahir Bin Abdul Halim



PENGURUS EDARAN:
Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan



PEMBANTU EDARAN:
Husna Salsabila Binti Mohd Al'Ikhsan
Nurain Atiqah Binti Mohd Hazim



REKABENTUK:
Percetakan Norfatimah Sdn.Bhd

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.


Hak Cipta Terpelihara.



Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Pendidik diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.


Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.





Kandungan

SIDANG REDAKSI	2
LAMAN PENGARANG	4
Apa itu Kejayaan	
RUKUN IMAN	5
Apakah itu Iman	
RUKUN ISLAM	6
Berapakah Rukun Islam	
BERAKHLAK MULIA	12
Jom Berakhlak Mulia	
PERMAINAN TRADISIONAL	16
Kenali Permainan Tradisional	
BELAJAR BAHASA	17
Jom Belajar Bahasa	
MANDI HADAS	19
Jom Belajar Cara Mandi Hadas	
BINATANG KESAYANGAN	20
Binatang Kesayangan Baginda Rasulullah S.A.W	
ULUL AZMI	21
Siapa Nabi yang digelar Ulul Azmi	



APA ITU KEJAYAAN?

Assalamualaikum anak-anak semua, tahukah apa itu kejayaan?

Okay, saya ada satu soalan ye, cuba fikirkan sejenak...

Cuba kalian, perbandingkan antara:-

ORANG A

kaya raya, mempunyai kereta besar, ada ramai followers, mempunyai business yang maju tetapi tidak taat dengan perintah Allah s.w.t.

ORANG B

makan hanya cukup-cukup sahaja, baju tidak mengikut trend, tidak dikenali ramai, tetapi sentiasa melaksanakan perintah Allah s.w.t.

Orang yang mana satukah sebenarnya berjaya dan rezeki mereka berkat? Jika kalian menjawab orang B, tekaan kalian Benar!

Okay mari saya terangkan lebih lanjut...


Maksud **KEJAYAAN** adalah kita dapat taat perintah Allah dalam apa jua keadaan.

- ◇ Waktu kita kaya pun dapat taat perintah Allah
- ◇ Waktu kita miskin pun dapat taat perintah Allah
- ◇ Waktu kita sihat pun dapat taat perintah Allah
- ◇ Waktu kita sakit pun dapat taat perintah Allah

Moralnya di sini, sentiasalah minta rezeki yang berkat pada Allah tidak kira kalian senang mahupun susah, tapi masih dapat taat perintah Allah itulah kejayaan dan itulah keberkatan hidup. Jadi anak-anak semua, jomlah sentiasa taat dengan perintah Allah ye...

Nasihat Ustaz

Haji Mohd Meeftah
bin Haji Anuar



APAKAH ITU IMAN?

IMAN

dari segi bahasa
maksudnya "Percaya atau
"membenarkan"

dari segi istilah maksudnya
"Percaya pada Allah" namun tidak
memadai jika tidak mengamalkannya
(ucap di lidah dan percaya di dalam
hati dan anggota badan
mengerjakannya)

RUKUN IMAN

1.
PERCAYA
PADA ALLAH

2.
PERCAYA
PARA MALAIKAT

3.
PERCAYA
PADA KITAB

4.
PERCAYA
PARA RASUL

5.
PERCAYA
HARI AKHIRAT

6.
PERCAYA PADA
QADA' DAN
QADAR

**KAWAN-KAWAN SEMUA
TAHUKAH KALIAN
BERAPAKAH RUKUN
ISLAM?**



Wahai sahabat semua, Rukun Islam ini diibaratkan seperti tiang-tiang yang saling memerlukan dan melengkapi untuk menegakkan Islam dengan sempurna. Rukun Islam ada 5 perkara, Iaitu:-

1. Mengucap dua kalimah syahadah
2. Mendirikan solat 5 waktu sehari semalam
3. Menunaikan Zakat
4. Berpuasa di bulan Ramadan
5. Mengerjakan Haji

1. MENGUCAP DUA KALIMAH SYAHADAH

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

- ASYHADUALLA ILAHA ILLALLAH,
WAASYHADU ANNA MUHAMMADAR
RASULLULAH -

Ertinya: Aku bersaksi bahawasanya tiada tuhan selain ALLAH,
dan aku bersaksi bahawasanya Nabi Muhammad itu adalah pesuruh
ALLAH.




2. MENDIRIKAN SOLAT 5 WAKTU SEHARI SEMALAM

- Semua orang islam yang akil baligh wajib untuk solat
- Solat adalah wahyu yang disampaikan secara terus oleh Allah SWT kepada Rasullullah SAW melalui peristiwa Israk dan Mikraj yang berlaku di bulan Ramadan.
- Wajib dilakukan 5 kali sehari walaupun sedang sakit (mengikut kemampuan)

Tujuan Solat

- Solat mendidik kita supaya sentiasa mengingati Allah SWT
- Solat boleh pelihara kita daripada melakukan kejahatan
- Solat akan memberi ketenangan jiwa
- Solat akan memberi kejayaan kepada orang mukmin tetapi solat hendaklah dilaksanakan dengan penuh khusyuk.



WAKTU SOLAT:

1 SUBUH
2 RAKAAT

2 ZUHUR
4 RAKAAT

3 ASAR
4 RAKAAT

4 MAGHRIB
3 RAKAAT

5 ISYAK
4 RAKAAT

3. MENUNAIKAN ZAKAT

- Merupakan kewajiban yang dilakukan pada harta orang yang memiliki kelebihan
- Dari segi syarak adalah mengeluarkan sebahagian daripada harta yang tertentu kepada golongan tertentu apabila cukup syarat-syaratnya

ZAKAT HARTA - DIGUNAKAN UNTUK *MENYUCIKAN HARTA*

ZAKAT FITRAH - DIGUNAKAN UNTUK *MENYUCIKAN HATI DAN JIWA*

4. BERPUASA DI BULAN RAMADAN

- Kita harus menahan anggota badan dari perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari. Contohnya menahan mulut dari makan dan bercakap perkara yang sia-sia.

SYARAT-SYARATNYA:

- | | |
|---------------------|--|
| ISLAM | - TIDAK WAJIB BAGI ORANG KAFIR MELAKUKAN |
| AKIL | - TIDAK DIWAJIBKAN BERPUASA KE ATAS KANAK-KANAK YANG BELUM SAMPAI UMUR BALIGH. WALAUBAGAIMANAPUN KANAK-KANAK |
| BERKEMAMPUAN | - TIDAK WAJIB BAGI ORANG YANG TIDAK BERDAYA BERPUASA SEPERTI ORANG YANG SAKIT MUSAFIR |
| BERAKAL | - TIDAK DIWAJIBKAN BERPUASA BAGI ORANG GILA |

5. MENGERJAKAN HAJI KE BAITULLAH

Semua orang Islam yang mampu wajib mengerjakan haji sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup



JOM BERAKHLAK MULIA

MEMBACA AL-QURAN

MAKSUDNYA:

"Sesiapa yang membaca satu huruf daripada al-quran maka baginya satu kebaikan. Satu kebaikan menyamai 10 gandaan. Tidaklah aku katakan yang **اَلَمْ** itu satu huruf. Bahkan alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf."

(Hadis Riwayat at-Tirmidzi)

KELEBIHAN:

- Al-Quran sebagai syafaat di akhirat kelak.
- Al-Quran sebagai pembela.
- Orang yang belajar dan mengajar al-Quran adalah sebaik-baik amalan.
- Allah SWT mengangkat martabat golongan pembaca al-Quran.
- Mendapat ketenangan hidup.



TUNDUK KETIKA LALU DIHADAPAN ORANG LEBIH TUA


MAKSUDNYA:

"Bukan golongan kami orang yang tidak menyayangi yang lebih muda atau tidak menghormati yang lebih tua."

(Hadis Riwayat at-Tirmidzi)

KELEBIHAN:

- Mendapat jaminan syurga.
- Mendapat redha Allah SWT.
- Mudah dimakbulkan hajat dan doa.



MEMULIAKAN GURU

MAKSUDNYA:

"Barangsiapa yang memulakan perbuatan dalam Islam yang merupakan suatu sunnah yang baik, lalu diamalkan orang selepasnya, dituliskan bagi pemulanya pahala orang yang beramal dengannya dan tidak akan berkurang daripada pahala mereka suatu pun."

(Hadis Riwayat Muslim)

KELEBIHAN:

- Mudah memahami ilmu yang disampaikan.
- Ilmu menjadi lebih berkat.
- Sentiasa disenangi guru.
- Mudah mengingati ilmu yang disampaikan.



DOA BANGUN TIDUR



الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

ALHAMDU LILLAHIL LADZII AHYAANAA BA'DA MAA AMAA TANAA
WA ILAHIN NUSYUURU

Maksudnya: "Segala puji bagi Allah yang menghidupkan kami (dengan bangun tidur) setelah mematikan kami (dengan tidur) dan hanya kepada Nya lah kami akan dibangkitkan."
(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

DOA SEBELUM TIDUR



بِسْمِكَ اللَّهُمَّ أَحْيَا وَأَمُوتُ

BISMIKALLOHUMMA AHYA WA AMUUTU

Maksudnya: "Dengan nama Mu Ya Allah, aku dihidupkan dan aku dimatikan."
(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

DOA MIMPI BURUK



اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ وَسَيِّئَاتِ الْأَحْلَامِ

**ALLAAHUMMA INNII A'UUDZUBIKA MIN'AMALISY SYAITHAANI WA
SAYYIAATIL AHLAMI**

Maksudnya: "Ya Allah, sesungguhnya aku mohon perlindungan kepada Engkau dari perbuatan setan dan dari mimpi-mimpi yang buruk."

Kenali Permainan Tradisional



Permainan Teng-Teng

atau juga dikenali sebagai Ketinting merupakan sejenis permainan tradisi kanak-kanak. Ia dimainkan oleh lelaki dan perempuan, sungguhpun ia lebih disukai oleh kanak-kanak perempuan daripada kanak-kanak lelaki kerana permainan ini lembut dan sesuai untuk kaum Hawa.

Di kampung-kampung, gelanggang dibuat dengan melukiskan garisan di atas tanah sahaja dengan menggunakan hujung ranting.



Permainan Sepak Raga

merupakan permainan menimbang bola takraw dalam bulatan dengan menggunakan kaki atau kepala dan telah dimainkan semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Bola takraw pula pada asalnya diperbuat daripada rotan dan kini telah digantikan dengan penggunaan bola buatan.



Permainan Tarik Upih

merupakan sejenis permainan kanak-kanak yang dimainkan oleh kanak-kanak di beberapa negara ASEAN. Upih pinang adalah pelepah daun pokok Pinang. Lazimnya apabila pelepah ini tua, ia akan luruh atau jatuh ke tanah. Ketika pelepah ini jatuh ia masih berguna. Daun pinang dari pelepah itu akan dibuang dan dijadikan hulu atau tempat untuk menarik upih tersebut. Selain pelepah pinang, pelepah kelapa juga digunakan.


JOM BELAJAR BAHASA

Ayah (Father)

الأب

Emak (Mother)

الأم



Kakak (Sister)

الأختُ الكبيرة

Adik
(Adik Lelaki)
Younger Brother

الأخُ الصَّغِيرُ

Adik
(Adik Perempuan)
Younger Sister

الأختُ الصَّغِيرَةُ


Abang (Brother)

الأخُ الكبير

Rangkaian Keluarga
(Family Tree, Family Members)

أَفْرَارُ العَائِلَةِ، شَجَرَةُ العَائِلَةِ

JOM BELAJAR BAHASA



JOM BELAJAR CARA MANDI HADAS

Rukun mandi ada tiga perkara meliputi

- Niat dengan tujuan membezakan ibadah dan adat. Niat ini sekadar dilafazkan di dalam hati dan tidak perlu dilafazkan secara zahir (secara lisan)
- Menghilangkan kotoran dan najis pada badan



- Meratakan air ke seluruh anggota badan yang zahir termasuk segala lipatan-lipatan badan.
(Sayyid Sabiq, Fiqh Sunnah)



BINATANG KESAYANGAN BAQINDA RASULULLAH S.A.W

Kucing adalah haiwan kesayangan Rasulullah SAW. Diriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW mempunyai seekor kucing yang diberi nama Mueeza. Salah satu sifat Mueeza yang paling Rasulullah SAW suka ialah Mueeza mengiau ketika mendengar suara azan, seolah-olah seperti mengikut alunan suara azan. Rasulullah SAW berpesan kepada para sahabatnya untuk menyayangi kucing peliharaan seperti mana menyayangi keluarga mereka sendiri.

Pernah juga Rasulullah SAW mahu mengambil jubahnya dan Mueeza sedang tidur di atasnya. Rasulullah SAW pun memotong belahan lengan yang ditiduri Mueeza daripada jubahnya supaya tidak mengganggu Mueeza. Selepas Rasulullah SAW pulang ke rumah, Mueeza terbangun dan pergi merunduk sujud kepada Rasulullah SAW. Sebagai balasan, Rasulullah SAW menyatakan kasih sayangnya dengan mengusap lembut ke badan kucing itu sebanyak tiga (3) kali. Rasulullah SAW menekankan dalam beberapa hadis bahawa kucing itu tiada najis.

Mengapa Rasulullah SAW mengatakan bahawa kucing itu suci dan tidak pula najis? Pada kulit kucing terdapat otot yang berfungsi untuk menolak telur bakteria. Otot kucing juga dapat merasa sentuhan otot manusia.

SIAPAKAH **NABI** YANG DIGELAR **ULUL AZMI**?

Perkataan Ulul Azmi berasal dari dua suku kata iaitu Ulul dan Azmi. Erti dari kata "Ulu" atau "Uli" adalah memiliki, manakala "Azmi" bererti tekad atau keteguhan hati yang kuat.

Maka Ulul Azmi diertikan sebagai seseorang yang memiliki ketabahan, kesabaran dan kekuatan yang luar biasa dan menjalankan tugas sucinya sebagai rasul walaupun menghadapi pelbagai rintangan. Oleh itu, antara semua Nabi yang kita kenal, ada 5 Nabi sahaja yang telah diberi gelaran Ulul Azmi iaitu:

1. Nabi Nuh AS
2. Nabi Ibrahim AS
3. Nabi Isa AS
4. Nabi Musa AS
5. Nabi Muhammad SAW

MAULIDUR RASUL

Wahai sahabat semua, kita perlu tahu bahawa Maulidur Rasul adalah merupakan hari kelahiran Nabi Muhammad SAW, Nabi kesayangan kita semua tau...

Beliau adalah Nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT dalam Islam. Tanggal 12 Rabiul awal tahun gajah bersamaan 29 April 571 Masihi (Riwayat Muslim, 8/25) adalah tarikh kelahiran baginda Rasulullah.

Setiap tahun, kita akan mengadakan sambutan bagi meraikan dan menggemirakan seluruh umat Islam di dunia. Majlis memperingati keputeraan Nabi Muhammad SAW dilaksanakan dengan beberapa acara seperti perarakan, selawat ke atas nabi dan ceramah dengan pelbagai tema yang berbeza pada setiap tahun.



Nama : _____

Tahun : _____


Teka Silang Kata Maulidur Rasul

Menegak

1. Nama rasul terakhir bagi umat akhir zaman.
2. Maksud nama Muhammad.
3. Kiblat bagi umat Islam.
4. Isteri nabi Muhammad SAW.
5. Bapa nabi Muhammad SAW.
8. Datuk nabi Muhammad SAW.
10. Ketika kecil baginda pernah berniaga di sini.
11. Haiwan yang menyerang Mekah ketika kelahiran Rasulullah SAW.
14. Hari nabi Muhammad SAW dilahirkan.
15. Haiwan ternakan baginda.

Melintang



6. Gua tempat nabi Muhammad SAW beribadat.
7. Ibu nabi Muhammad SAW.
9. Bulan kelahiran Rasulullah SAW.
12. Surah pertama yang diwahyukan kepada baginda.
13. Ibu susu nabi Muhammad SAW.
16. Salah satu sifat baginda.
17. Anak lelaki nabi Muhammad SAW.
18. Nama kota tempat kelahiran nabi Muhammad SAW.
19. Burung yang menyerang tentera bergajah.
20. Malaikat yang menyampaikan wahyu kepada baginda.





PROMOSI PENGHABISAN STOK SIRI BACAAN KANAK-KANAK

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 13




1 SET
= RM10.00

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 14



RM 35



RM 27



KEDAI BUKU JAKIM

ARAS 3, BLOK B, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO.23, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA
03-8870 7445/7446/7401

KEDAI BUKU JAKIM



Info e-penerbitan JAKIM





PROMOSI PENGHABISAN STOK SIRI PANTUN KANAK-KANAK

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 11



1 SET (SIRI 1-5)
= RM10.00

JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM SIRI 12



1 SET (SIRI 1-5)
= RM12.00



KEDAI BUKU JAKIM

ARAS 3, BLOK B, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO.23, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA
03-8870 7445/7446/7401

KEDAI BUKU JAKIM



Info e-penerbitan JAKIM

